

TINGKATAN 3 (BAB 3) : ANCAMAN PARTI KOMUNIS MALAYA DAN DARURAT

PMR 1996

Soalan 29 berdasarkan senarai di bawah.

- Sekolah Malam
- Sekolah Utama

29 Senarai di atas merujuk kepada sekolah Cina yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1920-an.

Apakah sebab **utama** pihak Inggeris mengharamkan sekolah tersebut?

- A Menjadi pusat persembunyian imigran
- B Menjadi pusat penyebaran fahaman Kuomintang
- C Menjadi pusat penyebaran ideologi komunis
- D Menjadi pusat kegiatan menentang Inggeris

JWPN: C [P60 N1c]

Soalan 35 berdasarkan senarai di bawah.

- 18 Jun 1948 – Pengisytiharan Darurat
- 31 Ogos 1957 – Pengisytiharan Kemerdekaan
- 31 Julai 1960 – Pengisytiharan tamat darurat

35 Berdasarkan senarai di atas, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lebih awal walaupun darurat belum tamat.

Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian?

- A Untuk menggalakkan penduduk Tanah Melayu menyertai tentera
- B Untuk menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- C Untuk memupuk kerjasama serantau
- D Untuk melemahkan perjuangan Parti Komunis Malaya

JWPN: D [P62 N4a]

PMR 1997

32 Apakah janji Parti Komunis Malaya (PKM) yang menarik minat rakyat Tanah Melayu menyertai pertubuhan tersebut semasa darurat?

- A Menyusun semula sistem pemerintahan
- B Meningkatkan taraf ekonomi rakyat
- C Mewujudkan perpaduan antara kaum
- D Membebaskan negara daripada cengkaman penjajah

JWPN: D [P60 N2a]

33 Bagaimanakah Sir Gerald Templer menjalankan perang saraf semasa beliau menjadi Pengarah Gerakan menentang komunis di Tanah Melayu?

- A Memulih dan membentuk akhlak pegganas komunis yang ditangkap
- B Merawat dan memberi bantuan kepada penduduk setinggan di kawasan hitam
- C Mengadakan kempen menawan hati dan fikiran rakyat untuk menyokong kerajaan
- D Menggunakan taktik dan teknik menyerang balas pegganas komunis dengan senjata moden

JWPN: C [P62 N3g]

PMR 1998

Soalan 40 berdasarkan pernyataan di bawah.

Kerajaan British telah memperkenalkan Sistem Pendaftaran Kebangsaan untuk membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu.

40 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah langkah yang diambil oleh British untuk menjayakan sistem tersebut?

- A Memastikan penduduk mendaftar sebagai anggota parti yang sah
- B Memastikan penduduk melapor diri di balai polis berhampiran
- C Menubuhkan pasukan *Special Constable*
- D Menguatkuasakan penggunaan kad pengenalan

JWPN: D [P61 N3div][P62 atas]

PMR 1999

Soalan 40 berdasarkan pernyataan di bawah.

Penggunaan senjata sahaja tidak akan mencapai kejayaan.

40 Pernyataan di atas merujuk kepada tindakan Sri Gerald Templer dalam usaha menghapuskan kegiatan komunis pada tahun 1950-an.

Mengapa beliau berbuat demikian?

- A Komunis mempunyai kelengkapan senjata
- B British kekurangan tentera
- C British memerlukan sokongan rakyat
- D Komunis menggunakan taktik serang hendap

JWPN: C [P62 N3g]

Soalan 41 berdasarkan maklumat di bawah.

Rundingan Baling 1955

- 41 Mengapakah Chin Peng menolak tawaran pengampunan yang diberikan oleh kerajaan Tanah Melayu semasa rundingan di atas dijalankan?
- A Kerajaan enggan membayar tuntutan ganti rugi
 - B Kerajaan meminta PKM menyerahkan senjata
 - C Kerajaan meragui kesetiaan PKM
 - D Kerajaan enggan mengiktiraf PKM

JWPN: D [P62 N3hi]

PMR 2000

Soalan 33 berdasarkan maklumat di bawah.

Di kawasan X, Parti Komunis Malaya telah mengembangkan pengaruhnya menerusi Min Yuen.

- 33 Berdasarkan maklumat di atas, X ialah
- A kawasan perkampungan Melayu
 - B kawasan pertanian di pedalaman
 - C bandar utama petempatan orang Cina
 - D petempatan setinggian Cina di luar bandar

JWPN: D [P60 N1fi]

PMR 2001


Soalan 36 berdasarkan maklumat di bawah.

Parti Komunis Malaya (PKM) bercita-cita menubuhkan Republik Komunis Malaya.

- 36 Berdasarkan maklumat di atas, apakah langkah yang diambil oleh PKM bagi mencapai impian tersebut?
- I Mempengaruhi lebih ramai ahli
 - II Mengadakan kerjasama dengan British
 - III Menjalin hubungan dengan semua kaum
 - IV Menandatangani perjanjian dengan parti-parti politik
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

JWPN: D [P60 N2a]

Soalan 37 berdasarkan rajah di bawah.



37 Rajah di atas adalah tindakan British untuk membanteras komunis.

X ialah

- A Perang Saraf
- B Rancangan Briggs
- C Pengisytiharan Darurat
- D Pertubuhan MinYuen

JWPN: A [P62 N3giii+iv]

Soalan 38 berdasarkan maklumat di bawah.

British akan menawarkan wang sagu hati sebanyak \$350 dan bekalan beras untuk setiap orang gerila komunis yang keluar dari hutan.

- 38 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan daripada tindakan tersebut ke atas PKM?
- A Pucuk pimpinan bertukar
 - B Barisan bersatu dibentuk
 - C Taktik perjuangan berubah
 - D Ramai ahli menyerah diri

JWPN: D [P62 N3giii]

Soalan 39 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Peristiwa
Jun 1948	Pembunuhan 3 orang pengurus ladang British di Sungai Siput, Perak.

- 39 Apakah kesan langsung daripada peristiwa di atas?
- A PKM diharamkan
 - B Darurat diisytiharkan
 - C Pasukan pertahanan dikukuhkan
 - D Rancangan Briggs diperkenalkan

JWPN: B [P61 N2c]

PMR 2002

Soalan 36 berdasarkan maklumat di bawah.

- Bergerak pada waktu malam
- Tinggal di pinggir hutan
- Membekalkan makanan dan ubat-ubatan

- 36 Maklumat di atas merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh
- A anggota polis
 - B anggota Min Yuen
 - C anggota tentera darat
 - D anggota home guard

JWPN: B [P60 N1fii]

Soalan 38 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Parti
1946	Angkatan Pemuda Insaf (API)
1946	Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
1948	Pemuda Radikal Melayu (PERAM)

38 Jadual di atas merujuk kepada parti-parti politik awal di Tanah Melayu.

Apakah persamaan antara ketiga-tiga parti politik tersebut?

- I Berhaluan sosialis
 - II Diharamkan oleh British
 - III Berjaya membubarkan perlembagaan
 - IV Dipimpin golongan berpendidikan Barat
- A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

JWPN: A [P63 atas]

Soalan 55 berdasarkan maklumat di bawah.

“Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis”

55 Apakah program yang dijalankan untuk menjayakan kempen di atas?

- I Melancarkan mogok
 - II Mengadakan rapat umum
 - III Membakar patung-patung komunis
 - IV Membawa sependuk mengutuk komunis
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

JWPN: D [P62 N3e]

PMR 2004

Soalan 35 berdasarkan maklumat di bawah.

Pergerakan komunis berjaya dikawal semasa Rancangan Briggs.

- 35 Kejayaan di atas dicapai setelah
- A syarat kerakyatan dipinda
 - B tawaran hadiah disediakan
 - C kad pengenalan dikeluarkan
 - D pertubuhan politik digalakkan

JWPN: C [P61 N3div]

Soalan 36 berdasarkan petikan di bawah.

“Anggota komunis yang menyerah diri tidak akan dihukum. Mereka yang menunjukkan taat setia dan ikhlas kepada negara ini akan dibenarkan hidup bebas sebagai rakyat biasa....”

Berita Harian

36 Berdasarkan petikan di atas, mengapakah kerajaan mengeluarkan tawaran pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis?

- A Meningkatkan keselamatan negara
- B Mengurangkan kesengsaraan di hutan
- C Mengelakkan mereka kembali ke negara asal
- D Menerima desakan daripada pemimpin tempatan

JWPN: A [P62 N3giv]

56 Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menamatkan darurat di Tanah Melayu pada tahun 1960?

- I Mendapatkan bantuan tentera dari Negara Komanwel
 - II Mengadakan Rundingan Baling dengan pemimpin komunis
 - III Menawarkan jawatan pentadbir kepada bekas anggota komunis
 - IV Memberi pengampunan kepada anggota komunis yang menyerah diri
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

JWPN: B

PMR 2005

- Membakar ladang getah
- Memusnahkan landasan kereta api

43 Maklumat di atas merujuk tindakan komunis semasa darurat.

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Melumpuhkan ekonomi
- B Menakutkan orang awam
- C Memutuskan perhubungan
- D Memecahbelahkan penduduk

JWPN: A [P60 N1eii+iii]

- Mengharamkan parti radikal
- Menerima bantuan tentera
- Menubuhkan Home Guard

44 Mengapakah British mengambil tindakan di atas?

- A Mengatasi masalah perkauman
- B Menghapuskan ancaman komunis
- C Mengawal penentangan terhadap British
- D Meredakan kemarahan penduduk tempatan

JWPN: B

45 British telah melancarkan kempen “Memenangi Hati Dan Fikiran Rakyat” pada tahun 1950-an.

Apakah kejayaan kempen tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
- B Mewujudkan sistem pendidikan yang seragam
- C Memupuk kerjasama rakyat melalui parti politik
- D Menggembleng tenaga rakyat untuk menentang komunis

JWPN: D [P62 N3g]

Tahun	Perkara
1948 – 1949	Penduduk yang tinggal di pinggir hutan selalu dikunjungi oleh ahli PKM untuk memujuk mereka menyertai Min Yuen. Mereka berada dalam ketakutan.

- 46 Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah di atas?
- Membekalkan senjata
 - Menempatkan di kem pertahanan
 - Memindahkan ke petempatan baru
 - Mengisytiharkan perintah berkurung

JWPN: C [P61 N3di]


PMR 2006

- 43 Darurat telah diisytiharkan di Tanah Melayu pada tahun 1948.

Apakah muslihat British membuat pengisytiharan tersebut?

- Menyekat kebebasan bersuara
- Mewujudkan perpaduan kaum
- Melindungi kepentingan ekonomi
- Melambatkan kemerdekaan negara

JWPN: C [P61 N2c]



- 44 Rajah di atas menunjukkan peranan Min Yuen kepada Parti Komunis Malaya (PKM).

Apakah X?

- Melatih anggota baru
- Membekalkan senjata
- Mendapatkan maklumat
- Mengatur strategi perjuangan

JWPN: C [P60 N1fii]

Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan.

- 45 Pernyataan di atas dikatikan dengan sistem pendaftaran kebangsaan pada tahun 1950-an.

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- Membasmi ancaman komunis
- Melicinkan proses pilihan raya
- Memudahkan banciaan penduduk
- Mengenal pasti golongan imigran


JWPN: A [P62 atas]

Sekolah Latihan Khas 101

- 46 Sekolah di atas telah ditubuhkan di Singapura pada pertengahan kurun ke-20. Penubuhan sekolah ini membuktikan

- perubahan strategi perjuangan PKM
- kelemahan pertahanan Tanah Melayu
- kerjasama antara PKM dengan British
- pengenalan pentadbiran tentera oleh British

JWPN: C [P60 N1di]



- 47 Rajah di atas menunjukkan perubahan pendirian British terhadap Parti Komunis Malaya (PKM) daripada P ke Q.

Apakah peristiwa yang menyebabkan perubahan tersebut?

- Kemelesetan ekonomi dunia
- Persaingan antara kuasa Barat
- Kebangkitan semangat nasionalisme
- Penguasaan Jepun ke atas Tanah Melayu

JWPN: D [P60 N1di]

PMR 2007

- Membakar kilang
- Menyerang balai polis
- Merosakkan landasan kereta api

- 43 Maklumat di atas menunjukkan tindakan pengganas komunis pada tahun 1948.

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- Menamatkan Malayan Union
- Melumpuhkan ekonomi negara
- Menubuhkan kerajaan republik
- Menentang pentadbiran Jepun

JWPN: II & III [P60 N2b]

Tarikh	Peristiwa
28 dan 29 Disember 1955	Pertemuan Baling

- 44 Jadual di atas merujuk kepada rundingan antara pihak kerajaan dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Apakah syarat yang dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada Parti Komunis Malaya dalam rundingan tersebut?

- Kewarganegaraan ahli dilucutkan
- Kubu pertahanan dimusnahkan
- Hasil rampasan dikembalikan
- Gencatan senjata diisytiharkan

JWPN: D [P62 N3h]


Pegawai British : Keadaan keselamatan negara terancam berikutan peristiwa di Sungai Siput.
 Sir Edward Gent : Kita akan isytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu.

- 45 Dialog di atas mungkin berlaku pada tahun 1948. Apakah peristiwa yang membawa kepada pengisytiharan darurat?
- A Pergaduhan antara kaum
 - B Pemogokan golongan pekerja
 - C Penentangan rakyat tempatan
 - D Pembunuhan pengurus ladang

JWPN: D [P61 N2c]

PMR 2008

- 43 Rajah 9 menunjukkan usaha British untuk menghapuskan ancaman komunis di Tanah Melayu.



Rajah 9

Apakah X?

- A Menawarkan hadiah
- B Menubuhkan pasukan polis
- C Mewujudkan "kampung baru"
- D Memperkenalkan kad pengenalan

JWPN: A [P62 N3giii]

- 44 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) gagal membentuk negara republik komunis di Tanah Melayu?
- A Sumber kewangan dan senjata terhad
 - B Corak perjuangan tidak sistematik
 - C Kerjasama rakyat dan kerajaan kukuh
 - D Bantuan kerajaan asing sukar diperoleh

JWPN: C [P63 N5]

- 45 Dialog berikut mungkin berlaku antara pegawai British di Tanah Melayu pada zaman darurat.


Pegawai A: Pergerakan komunis kuat kerana mendapat bekalan makanan, ubat-ubatan dan maklumat daripada Min Yuen.
 Pegawai B: Sir Harold Briggs telah mengarahkan kita supaya melumpuhkan gerakan Min Yuen.

Bagaimanakah British melumpuhkan gerakan tersebut?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Melancarkan perang saraf
- C Melaksanakan "Gerakan Kelaparan"
- D Melaksanakan tawaran pengampunan

JWPN: C [P61 N3dii]

- 46 Gambar 2 menunjukkan pihak yang terlibat dalam Pertemuan Baling pada 28 Disember 1955.



Gambar 2

Apakah perkara yang dituntut oleh kerajaan daripada pihak komunis dalam pertemuan tersebut?

- I Menyerah diri
 - II Meletak senjata
 - III Meninggalkan negara
 - IV Menyerahkan hak kerakyatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

JWPN: A [P62 N3hii]

PMR 2009

- 44 Pada tahun 1948, Undang-undang Darurat telah diisytiharkan bertujuan untuk mengekalkan keamanan di Tanah Melayu. Bagaimanakah undang-undang tersebut dapat mencapai tujuan di atas?
- A Kemajuan ekonomi diberikan perhatian
 - B Gencatan senjata dipersetujui
 - C Sifat perkauman dibendung
 - D Parti berhaluan kiri diharamkan

JWPN: D [P61 N3a+b]

- 45 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) bertambah kuat semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
- A Memperoleh bekalan senjata daripada British
 - B Memiliki kemudahan pengangkutan
 - C Mendapat bantuan kewangan
 - D Mendapat sokongan penduduk tempatan

JWPN: A [P60 N1di]

- 46 Dialog di bawah mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

Sir Henry Gurney	: Saya mahu penduduk Tanah Melayu yang berusia 12 tahun ke atas diberikan kad pengenalan.
Sir Harold Briggs	: Saya setuju. Itu langkah yang sangat baik.

Mengapakah langkah tersebut diambil?

- A Melicinkan proses pilihan raya
- B Membanteras ancaman pengganas komunis
- C Memudahkan kerja bancian penduduk
- D Menentukan bilangan kaum imigran

JWPN: B [P62 N3giv]

- 47 Sir Gerald Templer telah mengisytiharkan 'kawasan putih' yang pertama di Melaka pada tahun 1952.

Apakah maksud 'kawasan putih' dalam pernyataan di atas?

- A Pelaksanaan perintah berkurung
- B Petempatan pelbagai kemudahan
- C Penguatkuasaan kawalan keselamatan
- D Pembebasan daripada ancaman pengganas

JWPN: D [P62 N3gv]

PMR 2010

- 44 Mengapakah darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada Jun 1948?

- A Propaganda parti berhaluan kiri
- B Pemogokan pekerja kilang
- C Pembunuhan pengurus ladang
- D Pemusnahan landasan kereta api

JWPN: C [P61 N2c]

- 45 Keganasan berikut dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Membakar bas• Memusnahkan kilang• Merosakkan landasan kereta api |
|--|

Mengapakah PKM bertindak demikian?

- I Ingin menubuhkan kerajaan sendiri
- II Berhasrat melumpuhkan ekonomi negara
- III Menuntut pilihan raya yang adil diadakan
- IV Mendapatkan sokongan rakyat secara paksaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JWPN: A [P60 N2b][P60 N1eii&iii]

- 46 Rajah berikut menerangkan perubahan dasar British terhadap Parti Komunis Malaya (PKM).

Sebelum Perang Dunia Kedua	Semasa Perang Dunia Kedua
Menentang PKM	Bekerjasama dengan PKM

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kemelesetan ekonomi dunia
- B Persaingan dalam kalangan kuasa Barat
- C Kebangkitan semangat kebangsaan
- D Menentang pendudukan Jepun

JWPN: D [P61 N2c]

PMR 2011

- 43 Apakah langkah yang digunakan dalam Rancangan Briggs untuk membanteras ancaman komunis pada tahun 1950?

- I Melonggarkan syarat kerakyatan
- II Menawarkan pemberian hadiah
- III Membuka kampung baru
- IV Melancarkan Gerakan Kelaparan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JWPN:


- 44 Apakah faktor yang menyebabkan orang Melayu menolak fahaman komunis?

- A Hak istimewa
- B Ketuhanan
- C Pendidikan
- D Kemerdekaan

45 Mengapakah kerajaan membelanjakan sebanyak \$250 000.00 hingga \$300 000.00 sehari untuk pertahanan negara antara tahun 1948 hingga tahun 1960?

- A Menamatkan konfrontasi
- B Membendung rusuhan kaum
- C Menghapuskan ancaman komunis
- D Mengurangkan kemasukan imigran

46 Gambar berikut menunjukkan peristiwa pembunuhan pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak pada tahun 1948.



Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Pembentukan Malayan Union
- B Penubuhan pasukan polis
- C Pergaduhan antara kaum
- D Pengisytiharan Undang-undang Darurat

47 Apakah kesan peristiwa berikut ke atas Tanah Melayu?

Tahun	Peristiwa
1948 – 1960	Darurat

- I Pertahanan lemah
 - II Pembangunan terjejas
 - III Hubungan kaum renggang
 - IV Kuasa luar semakin berpengaruh
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV